



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 27 FEBRUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KPKM AMBIL LANGKAH AWAL PASTIKAN BEKALAN MAKANAN UNTUK RAYA MENCUKUPI, NASIONAL, BH -7 SUDAH 2 TAHUN MAT SABU...ISU BERAS TEMPATAN BELUM SELESAI, EKSklusif, HAKAH -19 MANA HILANGNYA BERAS TEMPATAN?, EKSklusif, HAKAH -19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5.	PROGRAM MELEPASKAN IKAN ASLI TEMPATAN, UMUM, KOSMO -27 10,000 UDANG HARIMAU DILEPASKAN KE LAUT, GEORGE TOWN, SH -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	BAZAR RAMADAN FAMA PERLIS SASAR JUALAN RM1.5 JUTA, UTARA, HAKAH -21 FAMA BELI 188.89 TAN AYAM, 2.4 JUTA TELUR SECARA BELIAN TERUS, LOKAL, HM -19 AYAM, TELUR CUKUP UNTUK MUSIM RAYA, NEGARA, KOSMO -9 HARGA LANTAI BUAH, SAYUR: FAMA BAKAL KAJI SEMULA, TIMUR, HAKAH -H15	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22.	CALL TO END RICE FRAUD NOW, NATION, THE STAR -5 MARDI SAHKAN BERAS IMPORT DICAMPUR BERAS TEMPATAN, NASIONAL, BH -4 'PERINCIKAN JUALAN BPT 10kg PADA HARGA RM26', NASIONAL, BH -4 MEKANISME PENYALURAN BERAS SUBSIDI PERLU JELAS, TELUS, DALAM NEGERI, UM -10 PIHAK SELEWENG BERAS TEMPATAN PERLU DIKENAKAN TINDAKAN, DALAM NEGERI, UM -10 PENGILANG CAMPUR BERAS IMPORT DENGAN TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -1 & 2 SERBU KILANG SELURUH NEGARA, LOKAL, HM -4 50% BERAS IMPORT CAMPUR TEMPATAN, NEGARA, KOSMO -1 & 6 TEMBELANG PENGILANG PADI TERBOMGKAR, MUKA DEPAN, SH -1 PENGILANG BERAS TIPU PENGGUNA, NASIONAL, SH -2 'SUDAH LAMA BERLAKU, TAPI TIADA SIAPA BERANI BUAT KAJIAN, NASIONAL, SH -2 POLISI SEDIA ADA BUKA RUANG PENIPUAN, NASIONAL, SH -3 SKANDAL BERAS BUNUH KEPERCAYAAN PENGGUNA, NASIONAL, SH -3	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
23.	PAMERAN JERAMI PADI TARIKAN TAHUN MELAWAT KEDAH 2025, UTARA, HAKAH -20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
24. 25. 26.	HAMPAS PADI BANTU PENTERNAK KURANGKAN MAKANAN TERNAKAN, DALAM NEGERI, UM -11 PERTANIAN KELOMPOK SUMBER EKONOMI MAMPAN KOMUNITI, TIMUR, HAKAH -H16 GUNA 'AIR BUANGAN' SAWAH, AIR HUJAN BANJIRI BENDANG, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

KPKM ambil langkah awal pastikan bekalan makanan untuk raya mencukupi

FAMA akan membeli secara terus 188.89 tan ayam dan 2,486,022 biji telur ayam melalui 42 pusat operasi di seluruh negara bermula bulan ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata ia adalah antara beberapa langkah awal bagi memastikan bekalan makanan utama mencukupi menjelang musim perayaan, sekaligus mengelak berlakunya kenaikan harga barangan di pasaran.

Selain itu katanya, melalui langkah intervensi pemasaran kelapa tua dengan kerjasama FAMA Corporation Sdn Bhd, syarikat itu akan membeli 640 tan kelapa tua, selain mengimport 576 tan kelapa dari Indonesia.

"FAMA turut membuka pasaran kepada pengeluar bagi memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna, meliputi penjualan sayur, buah dan hasil ternakan."

"FAMA juga sedang merangka program jualan praSyawal di premis Pasar Tani dan Jualan Agro MADANI seluruh negeri," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat bagi menjawab soalan Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu).

Mohamad berkata, kementerian sentiasa memastikan bekalan import mencukupi untuk memenuhi permintaan pengguna berikutan permintaan seperti cili, tomato dan halia adalah tinggi pada bulan sebelumnya dan bulan perayaan utama di Malaysia.

"Bagi memastikan bekalan makanan itu dapat diakses pengguna, FAMA akan memastikan bekalan dijual menerusi premis pemasaran FAMA dan program jualan terus dilaksanakan pada harga munasabah," katanya.

KPKM juga meneruskan dasar membenarkan kemasukan ternakan hidup untuk fidlot dan sembelihan dari negara yang diluluskan untuk import, iaitu Australia dan Thailand.

Selain itu, meneruskan kemasukan daging lembu/kerbau sejuk beku dan daging ayam serta keratan ayam dari negara penganeksport yang diluluskan seperti, Australia, Brazil, Thailand dan India.

Mohamad Sabu



Call to end rice fraud now

Use existing laws against unethical firms, urges consumer group

By SHERIDAN MAHAVERA
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The government need not wait for new laws to take action against firms selling imported rice mixed with local grains, says a consumer group.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) vice-president Datuk Indrani Thuraisingham said action against these companies could be taken under the Trade Descriptions Act, Consumer Protection Act and the Food Act.

"All these laws deal with accu-

rate labelling and representation of goods and services.

"Companies can be sanctioned for false or misleading labels on their products under the Trade Descriptions Act.

"The same goes for the Consumer Protection Act because consumers think they are buying imported rice but the rice has been mixed with local grains," explained Indrani, who is also the federation's legal adviser.

She said that companies selling adulterated food could face legal action under the Food Act.

This was after Agriculture and

Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the current Control of Paddy and Rice Act 1994 (Act 522) is being amended as it is unable to tackle the issue effectively.

Samples taken between September 2023 and March 2024 from rice packets labelled "imported rice" found that they had been mixed with local subsidised rice.

Fomca chief operating officer Nur Asyikin Aminuddin said subsidised rice, which is sold at RM2.60 per kg, has disappeared from store shelves for some one-

and-a-half years.

"We have been constantly monitoring the markets throughout the country. Despite arriving early in the morning when supplies should arrive, we are unable to locate subsidised rice.

"Now we know why," she said, adding that unscrupulous people have been mixing the subsidised grains with imported rice to increase profits.

"The government cannot be soft on the rice industry because the subsidies they gave us to get cheaper rice are not reaching us," she said.

50% of imported white rice mixed with local grains

SERDANG: Tests on samples from bags marked as imported white rice have found that between 45% and 50% of them have been mixed with local grains, says the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi).

This practice confirmed previously-held suspicions that certain bags of imported white rice had actually been diluted with local rice, especially varieties that were subsidised by the government, senior officials of the nation's top agricultural research agency said.

However, for now, there is no specific law to counter this, they said, but added that the revelation will provide an impetus to improving the laws governing the industry.

Checks at local supermarkets found that imported rice is typically sold at higher prices than local grains.

The 5,000 samples that were tested came from 55 bags that had been sent to Mardi from various rice factories throughout the country, said Mardi.

These samples were sent between September 2023 and March 2024 by enforcement personnel from the Agriculture and Food Security Ministry's padi and



What tests show: A lab assistant testing samples of rice. Mardi says they have found mixed local grains in some bags of imported rice. — LOW BOON TAT/The Star

rice control section and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

"Between 45% and 50% of the 5,000 samples we received showed evidence of local rice being mixed in with imported rice," said Dr Muhammad Zamharir Ahmad, who heads Mardi's biotechnology and nano-

technology research centre.

about 50 DNA markers of our local rice varieties, of which 10 of them are the most common," Mohd Shahril Firdaus said at the centre's laboratories here yesterday.

One local variety, called MR297, is among 10 that is most commonly planted in Malaysia and for which the government provides subsidies, he said.

When the centre tested the samples, some of them contained grains of MR297, even though the samples came from bags labelled as imported rice, he revealed.

The results had been sent back to the government's combined ops task force on local white rice for further action.

"The problem is, although this practice happens, we don't have a specific law that forbids it. So the ministry is using this evidence to craft laws to better regulate our rice industry," he added.

Muhammad Zamharir said that going forward, the centre will need more funds if it is to conduct additional tests of more rice samples and to ensure that these are completed quickly.

"The obstacles to doing so, for us, are always financial," he said, noting that the cost of testing those 5,000 samples was about RM80,000.

"In our database, there are

MARDI sahkan beras import dicampur beras tempatan

Analisis buktikan dakwaan ada cubaan pengilang kaut untung berlebihan

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Serdang: Analisis Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mendapati antara 40 hingga 50 peratus daripada 5,000 sampel beras adalah campuran beras putih tempatan (BPT) dan beras putih import (BPI).

Sampel beras dianalisis MARDI itu diterima daripada pihak berkuasa iaitu Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang diambil daripada pengilang untuk menjalankan analisis bagi mengenal pasti varietinya.

Difahamkan, analisis itu bagi mengesahkan dakwaan banyak pihak sebelum ini ada kegiatan mencampur BPT dan BPI dipercayai untuk mengaut keuntungan berlebihan.

Pegawai Penyelidikan Kanan Biologi Sains (Genetik) Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Mohd Syahril Firdaus berkata, analisis itu menggunakan teknologi pencapjarian asid deoksiribonukleik (DNA) beras yang dilaksanakan sepanjang 2023 dan 2024.

"MARDI membangunkan teknologi berasaskan cap jari DNA yang mampu mengenal pasti varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik," katanya.



Pegawai Penyelidikan Prinsipal, Dr Khairun Hisam Nasir bersama Mohd Syahril Firdaus (kiri) menunjukkan keputusan akhir analisis di Serdang, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

di sini semalam.

Mohd Syahril Firdaus berkata, analisis dibuat bagi mengenal pasti isu kehilangan BPT di pasaran selaras penubuhan Petugas Khas Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan pada 2023.

Beliau berkata, campuran beras dipercayai berlaku di peringkat pengilang kerana petani menanam padi menggunakan benih tempatan.

Katanya, campuran BPI dan BPT dipercayai berlaku apabila dijual kepada pengilang.

"Laporan penuh analisis beras berkenaan sudah dihantar kepada pihak berkaitan," katanya.

Profil rujukan cap jari DNA

Mohd Syahril Firdaus berkata, MARDI mempunyai profil rujukan cap jari DNA bagi kebanyakan tanaman termasuk lebih 50 varieti padi.

"Teknologi Pencapjarian DNA

berkenaan mampu mengesan varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik.

"Setiap sampel beras dalam kampilit dibahagi kepada tiga bahagian iaitu atas, tengah dan bawah yang diambil secara rawak sebelum melalui proses pengeks-trakan DNA dan kawalan kualiti," katanya.

Beliau berkata, analisis penskoran dibuat menggunakan perisian GneMapper5/Typ4.

Mohd Syahril Firdaus berkata, belum ada akta khas menghalang perbuatan campuran BPT dan BPI.

"Ketika ini, pusat penyelidikan ini bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk membincangkan peraturan baharu berkaitan BPT dan BPI," katanya.

Pada 4 Oktober tahun lalu, Kementerian Pertanian dan Keter-

jaminan Makanan melancarkan Op BPT Bersepadu membabitkan pegawai Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (MAQIS).

Operasi itu menumpukan kepada pemeriksaan di peringkat pengilang dan pemborong padi dan beras di seluruh negara bagi mengesan penyelewengan itu.

Antara Oktober hingga 13 November tahun lalu, pasukan itu melakukan 196 pemeriksaan premis membabitkan 71 kilang padi, 113 pemborong dan 12 peruncit di seluruh negara.

Hasilnya, tiga kes diambil tindakan mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan sembilan kes di bawah KPDN.

'Perincikan jualan BPT 10kg pada harga RM26'

Kuala Lumpur: Kerajaan diminta memperincikan penjualan sebanyak 24 juta kampilit Beras Putih Tempatan (BPT) bersubsidi pada harga RM26 bagi pek 10 kilogram (kg) yang akan mula dijual dalam pasaran di seluruh Semenanjung mulai 1 Mac ini.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohamad Yusrizal Yusoff, berkata perkara itu perlu dilakukan kerana rakyat perlu tahu bagaimana mekanisme pemberian subsidi berkenaan dilaksanakan.

"Keputusan kerajaan untuk menyalurkan BPT pada harga subsidi RM26 bagi setiap kampilit 10kg kepada golongan miskin di-

terima oleh rakyat.

"Bagaimanapun, mekanisme agihan dan kelayakan penerima itu masih menjadi tanda tanya dalam kalangan pengguna.

"Bekalan BPT bukan sahaja kerana harganya yang lebih murah, tetapi juga kerana kualitinya yang lebih dipercayai dan sesuai dengan cita rasa rakyat atau pengguna di negara ini.

"Keberadaan BPT sebelum ini juga disambut baik oleh rakyat. Namun, apabila ia diubah menjadi beras subsidi yang hanya dikeluarkan kepada golongan miskin, ramai yang berasa terbelenggu dengan situasi itu," katanya kepada BH semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Badrul Hisham Mohd, berkata barangan keperluan harian itu hanya akan dijual kepada 400,000 keluarga miskin dengan dua pek bagi setiap ketua isi rumah (KIR) mengikut tatacara ditetapkan.

Katanya, sebanyak 24 juta kampilit 10kg BPT bersubsidi akan mula dijual menerusi projek rintis untuk tempoh enam bulan itu dengan menyasar 400,000 KIR miskin, termasuk 77,000 KIR miskin tegar.

Mengulas lanjut, Mohamad Yusrizal berkata, selain memberi penjelasan mengenai mekanisme pemberian subsidi berkenaan, ke-

rajaan juga perlu menjelaskan kriteria bagi penerima BPT terbahit.

"Adakah hanya golongan miskin tegar yang layak atau B40 juga akan mendapat manfaat? Jika B40 turut menerima bekalan berkenaan, jumlah 24 juta kampilit beras yang diperuntukkan itu tidak mencukupi untuk tempoh enam bulan.

"Bagi memastikan bantuan berkenaan sampai kepada golongan sasar, kerajaan boleh memperkenalkan sistem kupon kepada golongan miskin, sama ada yang berdaftar atau dibantu oleh pihak berkuasa tempatan atau mereka yang berkaitan," katanya.

Sudah 2 tahun Mat Sabu... Isu beras tempatan belum selesai

Oleh **NORHANA MAT ZIN**

KUALA LUMPUR: "Sudah dua tahun, Datuk Seri Mohamad Sabu memegang portfolio Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, namun isu beras tempatan masih tidak dapat diselesaikan dan berlarutan hingga kini."

Timbalan Pengerusi Lajnah Hal Ehwal Konsumer dan Kepenggunaan PAS Pusat, Shahir Adnan berkata demikian susulan sehingga kini isu kekurangan beras tempatan di pasaran masih belum selesai.

"Apa yang asyik terpacul dari mulut Menteri adalah kajian demi kajian mahu dilaksanakan."

"Rakyat tidak akan kenyang dengan kajian-kajian yang tiada tindakan. Adalah tidak logik hilangnya beras tempatan dari pasaran selama dua tahun," katanya ketika dihubungi *Harakah*.

Dalam pada itu, Shahir berkata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Ma-



Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) perlu diperkasakan bagi menangani isu kekurangan beras tempatan pada ketika ini. (Gambar hiasan)

nan (KPKM) digesa memperkasakan Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522) bagi menangani isu kekurangan beras tempatan ketika ini.

"Akta ini seharusnya ditambahbaik dengan menyenaraikan kesalahan mencam-

purkan beras tempatan dan beras import."

"Sepatutnya telah pun dilaksanakan dua tahun lepas," ujarnya.

Shahir turut membangkitkan persoalan mengenai keberadaan stok beras tempa-

tan, dengan merujuk kepada jumlah pengeluaran dan jumlah yang dijamin oleh kerajaan.

"Kita ada 1.6 juta metrik tan beras tempatan, tetapi kerajaan hanya memberi jaminan bahawa 240,000 metrik tan untuk enam bulan."

"Ke manakah hilangnya baki 1.2 juta tan? Adakah Akta Kawalan Bekalan tak tegas? Sekali lagi berkaitan Akta 522 di bawah punca kuasa Menteri Pertanian," soalnya.

Namun demikian katanya, hanya satu sahaja cara untuk menyelesaikan isu beras tempatan, iaitu dengan menaikkan harga siling beras tempatan.

"Baru-baru ini, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) mencadangkan untuk mencampurkan beras tempatan dan beras import menjadi satu - Beras Putih Madani, bertentangan dengan Akta 522."

"Pengerusi NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal dan Menteri Per-

tanian, Datuk Seri Mohamad Sabu tidak duduk semeja untuk berbincang."

"Hal ini menyukarkan lagi untuk menyelesaikan isu beras tempatan," ujarnya.

Justeru, Shahir turut berpandangan bahawa beras tempatan itu ada, tetapi tidak boleh dijual kerana harga kos yang tinggi.

Katanya lagi, kilang akan mengalami kerugian kerana harga kawalan RM26 untuk 10kg bererti RM2600 pertan.

"Sebelum ini kilang beli dengan harga tinggi kerana kilang mencampurkan beras disebabkan ura-ura satu jenis beras iaitu Beras Putih Madani. Namun, ia tidak diteruskan."

"Hakikatnya, penguatkuasaan perlu diperkasakan agar kilang-kilang tidak mengambill kesempatan dengan isu harga siling beras."

"Adalah tidak logik hilangnya beras tempatan dari pasaran selama dua tahun," katanya.

Mana hilangnya beras tempatan?

KUALA LUMPUR: "Isu kekurangan bekalan beras tempatan (BPT) di pasaran terus berlarutan hingga kini meskipun pengeluaran beras tersebut dikatakan antara 60 sehingga ke 65 peratus setahun sekali gus menimbulkan persoalan ke mana hilangnya bekalan berkenaan yang kini didominasi oleh beras import."

Timbalan Pesuruhjaya Pas Pahang, Dato' Andansura Rabu, berkata apa yang rakyat lalui adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan.

"Isu bekalan beras tempatan ini telah berlarutan hampir dua tahun, tidak ada jalan penyelesaian dan tidak nampak tanda-tanda akan selesai dalam masa terdekat."

"Apa yang ditimbulkan adalah ke manakah perginya bekalan beras tempatan yang dihasilkan oleh para



Andansura Rabu

petani tempatan?

"Adakah ia berlaku disebabkan ketirisan yang berlaku dalam rantaian bekalan daripada petani, kilang dan pembekal?" katanya ketika dihubungi *Harakah*.

Beliau berkata, tindakan tegas dan penguatkuasaan daripada pihak penguasa bekalan beras negara ini perlu dilihat secara menyeluruh bagi menyelesaikan isu ini.

Dalam pada itu, ujar be-

liau, wujud persoalan, petani di negara ini pun hairan mengapa beras atau padi yang mereka bekalkan tidak dikeluarkan oleh pengeluaran tempatan atau pengilang tempatan sebagai beras tempatan dan bagaimanakah ini dipantau.

"Contohnya, jika seorang petani menghantar satu tan padi seharusnya dapat menghasilkan 700 hingga 800 kilogram beras, tetapi ke manakah perginya beras ini?"

"Maka, persoalan ini perlu dijawab secara tuntas oleh pihak kerajaan. Sehingga hari ini, kita lihat tiada jawapan kenapa perkara ini boleh berlaku," ujarnya.

Tambah Andansura, perkara kedua membangkitkan adalah mengenai pengagihan. Apabila ditanya di manakah beras tempatan ini berada, tidak juga dijawab dengan tepat mengikut keperluan penduduk

setempat.

Beliau menyatakan, sebagai contohnya di Pahang, berapa banyak bekalan beras tempatan telah dibekalkan ke negeri ini sepanjang tahun lepas dan tahun ini.

"Ini disebabkan kita tidak dapat melihat 1 kilogram pun beras tempatan berada di pasaran dan siapakah yang mengagihkan untuk negeri ini dan negeri-negeri lain, contohnya."

"Maka, soalan-soalan sebegini, sekiranya tidak diberikan perhatian serius dan dijawab secara tuntas oleh pihak kerajaan akan menimbulkan banyak persoalan dan pertikaian."

"Hal ini disebabkan rakyat melihat jika isu beras tempatan ini pun tidak dapat diselesaikan, dibimbangi bekalan keterjaminan makanan yang diwarwarkan selama ini diusahakan tidak berhasil," katanya.

Justeru beliau berkata, ke-

gagalan kerajaan menjawab persoalan-persoalan ini turut menimbulkan lebih banyak ketegangan di antara rakyat dan juga Kerajaan.

Menurut beliau lagi, sekiranya bekalan beras tempatan mempunyai golongan sasaran, siapakah sasaran yang dibekalkan?

"Ia pun tidak dapat dijelaskan dengan baik oleh kerajaan. Maka, perkara ini juga akan menjadi satu lagi tanda soal kepada siapakah beras tempatan ini diagihkan dan kepada sasaran ke manakah ia diagihkan."

"Hal ini kerana, kita lihat isu ini bukan sahaja dialami oleh rakyat tetapi semua pihak yang memerlukan termasuk pembekal-pembekal makanan di pihak agensi, asrama sekolah dan sebagainya."

"Meraka mempersoalkan ke manakah dan kepada siapakah agihan sasaran beras tempatan," ungkapnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	HARAKAH	UTARA	20

Pameran Jerami Padi tarikan Tahun Melawat Kedah 2025


JERAI: Pameran Jerami Padi yang mempamerkan pelbagai arca dan binaan menarik yang dibentuk daripada jerami padi, menjadi tarikan utama kepada pengunjung tempatan dan luar Kedah sempena Tahun Melawat Kedah (TMK) 2025.

Pameran ini telah diadakan di Kampung Teroi, Guar Chempedak, berhampiran Sekolah Rendah Jenis (C) Pei Eng, selama tiga hari bermula 21 hingga 23 Februari 2025.

Pameran yang diadakan dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ini dimeriahkan lagi dengan karnival pelbagai jualan dan gerai makanan.

Meskipun cuaca hujan yang menyebabkan kawasan sekitar becek dan berlumpur, pameran ini tetap mendapat sambutan hangat daripada pengunjung yang datang untuk menikmati keunikan arca jerami padi yang dihasilkan.

Acara yang pada asalnya diusahakan secara persendirian ini, kini menjadi satu acara besar yang turut menyambut kedatangan pengunjung



Orang ramai tidak melepaskan peluang berswafoto ketika mengujungi Pameran Jerami Padi di Kedah.

jang luar negara, khususnya sempena TMK 2025.

Pameran ini biasanya diadakan selepas musim menuai padi dan ketika musim kemarau.

Ia bukan sahaja memaparkan keindahan dan kreativiti dalam

menghasilkan arca jerami, tetapi turut memberikan pengalaman yang tidak dapat dilupakan bagi setiap pengunjung yang hadir.

Suasana yang meriah ditambah pula dengan persembahan unik dari para peniaga yang menggayakan

cara tersendiri mereka.

Bagi negeri-negeri di utara Semenanjung Malaysia seperti Kedah dan Perlis, pameran jerami padi ini seolah-olah menjadi satu tradisi yang wajib diadakan setiap kali menjelang musim kemarau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	BUKA
27/2/2025	UTUSAN	DALAM	11
	MALAYSIA	NEGERI	

Hampas padi bantu penternak kurangkan kos makanan ternakan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Peningkatan kos harga dedak bagi makanan haiwan ternakan mendorong seorang inovator bimbingan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) menghasilkan produk daripada bahan buangan pertanian.

Mohd. Nawi Mamat, 58, berkata, produk inovasi dedak itu yang dinamakan *Fermented Rice Bran* (FRB) mengandungi pelbagai kandungan zat gizi bagi meningkatkan tumbesaran haiwan ternakan.

Katanya, *rice bran* atau dedak beras berasal daripada kulit ari padi iaitu lapisan luar daripada beras yang tersisih ketika proses pengilangan.

Dedak beras mengandungi kandungan zat gizi seperti protein, karbohidrat, lemak dan mineral seperti mangan, fosforus, magnesium, besi dan lain-lain sebagai tambahan khasiat dalam makanan haiwan.

"Peningkatan harga dedak bagi makanan ternakan di pasaran menjadi faktor utama FRB dicipta.

"*Rice bran* ini ditapai dengan kehadiran bakteria *effective microorganism* dan juga *molas-*



MOHD. NAWI MAMAT menunjukkan produk inovasi FRB untuk makanan haiwan ternakan.

ses. FRB di campur ke dalam makanan haiwan dan diproses menjadi palet sebelum diberikan kepada haiwan ternakan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Anak kelahiran Tumpat Kelantan itu mula membangunkan dan memasarkan produk

berkenaan sejak 2012 bersama dua anaknya sehingga pada 2022, beliau menerima dana daripada Program Malaysia Inovasi Sosial Akar Umbi (Mylis Akar Umbi/MaGRIs) sebanyak RM93,000.

Melalui geran tersebut, YIM membantu menyediakan mesin

FRB di campur ke dalam makanan haiwan dan diproses menjadi palet sebelum diberikan kepada haiwan ternakan."

MOHD. NAWI MAMAT

dan peralatan seperti mesin *mixer tumba*, mesin *feeder silo* termasuk pengawal kelajuan, mesin *pelletizer*, *cooling strainer* dan beberapa mesin lain bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran produk FRB.

Selain itu, bantuan pendaf-taran harta intelek juga dibuat untuk memberi perlindungan terhadap inovasi.

Mohd. Nawi berkata, seba-gai anak kampung yang telah biasa dengan kehidupan ne-layan, petani dan pesawah, beliau bersama arwah bapanya juga ada menternak lembu dan kambing, di samping menjadi

tukang rumah mahir pada masa terluang.

Menurut bapa kepada lapan orang anak itu, semua pengala-man ini menimbulkan minat untuk mereka cipta dan berinovasi sejak kecil, apatah lagi ting-gal di kawasan tepi pantai dan mempunyai sawah berdekatan serta tanah yang sesuai untuk pertanian kontan kelapa.

Katanya, penternak tidak lagi terkesan dengan peningka-tan harga dedak di pasaran dan penggunaan bahan buangan industri padi dapat melindungi alam sekitar daripada peningka-tan sisa buangan.

"Kaedah ini dapat memasti-kan bekalan makanan ternakan yang dihasilkan sendiri sentiasa mencukupi.

"Malah, ia dapat mening-katkan zat-zat dalam makanan haiwan ternakan yang dihasil-kan, selain dapat menjadikan bahan buangan ternakan tidak berbau," katanya yang merupa-kan lulusan Ijazah Sains Hayat (UKM).

Mohd Nawi menjangkakan penjualan FRB dapat men-jana keuntungan mencecah RM100,000 dalam tempoh lima tahun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	muka surat
27/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

Mekanisme penyaluran beras subsidi perlu jelas, telus

PETALING JAYA: Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) mempersoalkan mekanisme yang akan digunakan kerajaan dalam memastikan beras subsidi benar-benar sampai kepada golongan yang memerlukan.

Bendahari Agung FOMCA, Nur Asyikin Aminuddin mencadangkan kerajaan memanfaatkan data sedia ada daripada pusat zakat atau inisiatif Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) yang dilaksanakan di Selangor sebagai panduan pengagihan.

"Namun, saya berharap data tersebut sentiasa dikemas kini bagi mengelakkan sebarang kecaciran dalam kalangan penerima yang layak.

"Kaedah penggunaan kad pengenalan juga boleh dipertimbangkan untuk memastikan bekalan subsidi diagihkan secara telus dan sampai kepada rakyat yang benar-benar memerlukan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, kerajaan menetapkan harga beras putih tempatan bersubsidi pada kadar RM26 bagi sekampt 10 kilogram (kg), khusus



Kaedah penggunaan kad pengenalan juga boleh dipertimbangkan untuk memastikan bekalan subsidi diagihkan secara telus dan sampai kepada rakyat yang benar-benar memerlukan."

untuk keluarga miskin dan miskin tegar.

Sebanyak 24 juta kampit beras akan diedarkan melalui projek rintis bermula 1 Mac ini, dengan pemantauan berterusan oleh 1,200 anggota Agensi Regulatori dan Penguatkuasaan Agromakanan Malaysia (MAREA) di seluruh negara.

Nur Asyikin menegaskan kerajaan perlu memastikan tiada ketirisan atau aktiviti penyalahgunaan yang membolehkan pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan terhadap bekalan subsidi tersebut.

"Semua penjualan perlu di-

lakukan melalui peruncit berlesen di seluruh negara serta menerusi platform jualan rasmi seperti Jualan Agro MADANI dan Jualan Rahmah," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Seri Dr. Jacob George menggesa kerajaan mengambil langkah tegas bagi mengelakkan sebarang bentuk sabotaj oleh pihak berkepentingan.

"Kita tidak mahu ia menjadi projek 'setengah masak' yang akhirnya mencetuskan kawalan versi apabila timbul pelbagai masalah," katanya.

Pihak seleweng beras tempatan perlu dikenakan tindakan

ALOR SETAR: Persatuan Pengguna Kedah (Cake) menyambut baik langkah kerajaan menetapkan harga beras putih tempatan bersubsidi pada RM26 bagi sekampt 10 kilogram (kg) untuk keperluan keluarga miskin.

Presiden Cake, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pengumuman itu dianggap berita baik kepada pengguna yang sudah lama menunggu beras putih tempatan berada di pasaran.

"Untuk permulaan ini saya anggap ini berita baik kepada pengguna. Namun kalau kita lihat sebaliknya beras putih tempatan ini hilang begitu lama dan tindakan tidak diambil kepada pihak yang menyeleweng beras ini.

"Jadi kita tidak rasa bahawa beras ini patut dijadikan beras subsidi kerana beras ini semanginya keberadaan di pasaran sepatutnya 65 peratus," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Kawal Sella Padi dan Beras, Datuk Badrul Hisham Mohd Berkata, projek rintis itu adalah untuk tempoh enam bulan dengan setiap ketua isi rumah (KIR) miskin termasuk 77,000 KIR miskin tegar boleh membeli dua kampit beras setiap orang.

Pengumuman itu memberi kelegaan kepada kira-kira 400,000 keluarga miskin di seluruh negara dengan 24 juta kampit akan dijual melalui projek rintis mulai 1 Mac ini.

Mohamad Yusrizal mencadangkan agar beras tempatan dinaik taraf kepada beras yang berada pada tahap tinggi kerana dimakan oleh pengguna domestik.

"Mengapa jumlah pengeluaran yang banyak ini dijadikan beras subsidi. Kita sudah ada contoh pada zaman dahulu beras nasional yang disubsidikan dengan harga jualan RM16.50 untuk 10kg," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1




Dua menteri besar berdamai »12

PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

Hasil analisis MARDI sahkan 50 peratus beras putih di pasaran telah dicampur

Pengilang campur beras import dengan tempatan

Oleh ZABRY MOHAMAD MADZLAN
 utusannews@mediamulla.com.my

SERDANG: Kira-kira 50 peratus beras putih import yang berada di pasaran negara ini telah dicampur dengan beras putih tempatan. Perkara itu disahkan oleh

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melalui analisis yang dilakukan ke atas 5,000 sampel kimpit beras import. Dapatan ini sekali gus menjawab persoalan ke mana hilangnya beras putih tempatan di pasaran yang sudah berlarutan sejak dua tahun lalu.

Pengarah Pusat Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Dr. Muhammad Zamharir Ahmad berkata, pihaknya membuat analisis terhadap lebih 5,000 sampel kimpit beras dengan logo import yang dihantar oleh agensi penguat kuasa sejak 2023. Katanya, sampel-sampel itu diperoleh hasil serbuan Sek-

syen Kawal Selia Padi dan Beras serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup di seluruh negara. “Semua negeri ada hantar sampel dengan 5,000 sampel ini adalah (jenama) yang biasa kita nampak di pasaran. “Berasakan kesemua sampel diterima ini, sebanyak 50 per-

tus (beras import) dalam pasaran ada campuran (dengan beras tempatan),” katanya pada majlis taklimat mengenai kaedah analisa beras putih tempatan dan beras putih import oleh Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI di sini.

Bersambung di muka 2

Pengilang campur beras import dengan tempatan

Dari muka 1

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Mohd. Shahril Firdaus Ab. Razak berkata, analisis itu dibuat melalui teknologi pencaparian asid deoksiribonukleik (DNA).

Katanya, analisis itu bermula pada 2023 sejak penubuhan Pasukan Petugas Operasi Bersepadu Beras Puth Tempatan sehingga Mac tahun lalu.

"Teknologi Pencaparian DNA berkenaan mampu mengenalpasti sumber asal beras dengan bukti saintifik."

"Setiap sampel beras dalam kimpit dibalugi kepada tiga bahagian iaitu atas, tengah dan bawah yang diambil secara rawak sebelum melalui proses pengeksarikan DNA dan kawalan kualiti," katanya.

Katanya, MARDI mempunyai profil rujukan cap jari DNA bagi kebanyakan tanaman teratas lebih 50 varieti padi.

"Analisis penskoran dibuat menggunakan perisian GneM-apper5/Type4," katanya.

Mohd Syahril Firdaus berkata, campuran beras dipercayai berlaku di peringkat pengilang dengan petani menanam padi menggunakan benih tempatan.

Namun, beliau menyatakan tindakan itu tidak menyalahti undang-undang menandatangani akta spesifik untuk melarang pengilang mencampurkan beras putih import dengan beras putih tempatan kecuali jenis beras hancur menyukarkan penguat kuasa mengatasi isu berkenaan.

"Kami juga sedang duduk berunding bagi sama-sama membantu pihak-pihak berkaitan lain dalam membuat



KHAIRUN HUSAM (kanan) dan Shahril Firdaus (kiri) menunjukkan data pengenalpastian di Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi Ibu Pejabat MARDI, Serdang - UTUSAN/ISKANDAR ISHAK

peraturan baharu 'berhubung kelenyapan ini,' ujarnya.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sebelum ini menyatakannya giat membuat kajian terperinci untuk mengenalpasti penyaluran beras campuran di pasaran tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cadangan tersebut turut disokong oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai kaedah penyelesaian kepada masalah bekalan beras yang berlaku ketika ini.

Katanya, pihaknya akan mengadakan satu libat urus bagi membincangkan perkara tersebut dan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri

untuk membuat keputusan.

"Sekarang kita sedang buat kajian secara terperinci sama ada mahu membenarkan atau tidak jual beras campuran ini, sebab kalau tidak mahu campur, kita kena pastikan bekalan beras tempatan itu cukup."

"Masalah sekarang ini, banyak aduan dari pengilang teras masuk pengilang bumiputera yang mereka tidak boleh jual beras dengan harga lebih murah," katanya kepada Utusan Malaysia, baru-baru ini.

Mohamad berkata, setiap keputusan yang dibuat melibatkan pesawah sebagai keutamaan supaya golongan itu tidak menanggung kerugian dan turut memikirkan alternatif bagi mengelakkan masyarakat terbebani.

ANALISIS DAPATI 50% DNA BERAS TEMPATAN DALAM BERAS DILABEL 'IMPORT'

Serbu kilang seluruh negara

Oleh Muhammad Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Serdang

Analisis Institut Pertanian Majuan dan Kementerian Pertanian Malaysia (Mardi) ke atas lebih 5,000 sampel butir beras mengesahkan beras putih tempatan dengan beras putih import dicampur pengilang dipercayai bagi mendapatkan keuntungan tinggi.

Ini kerana hasil kajian ke atas beras yang dilabelkan sebagai 'beras import' didapati memiliki sekitar 40 hingga 50 peratus asid deoksiribonukleik (DNA) beras tempatan menerusi teknologi pencaparian DNA.

Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi Mardi, Mohd Shahril Firdaus Ab Razak berkata, analisis dilakukan Task Force Operasi Bersepadu Beras Putih Tempatan bagi mengenal pasti ke mana hilangnya beras putih tempatan.

"Pihak Kawalselia Beras dan Padi serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu kilang beras seluruh negara dan menghantar 55 pekuk beras import kepada Mardi.

"Analisis dijalankan antara September 2023 se-



MOHD SHahril Firdaus (kiri) menunjukkan keputusan proses mengenal pasti beras tempatan dan beras import melalui teknologi pencaparian DNA di Makmal Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi Mardi, Serdang. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

hingga Mac 2024, menda-
pati 40 sehingga 50 peratus
daripada lebih 5,000 sam-
pel butir beras terabit me-
ngandung beras tempatan
termasuk varieti MK297,"
katanya pada sidang media
di Ibu Pejabat Mardi di sini,
semalam.
Turut hadir, Pengarah
Pusat Penyelidikan Biotek-
nologi dan Nanoteknologi
Mardi, Dr Muhammad
Zamharir Ahmad.
Mohd Shahril berkata,
analisis terhadap lebih

5,000 sampel butir beras itu menelan kos sekitar RM80,000.

KPDN sebelum ini mendedahkan pihaknya menerima aduan beras dicampur antara beras putih tempatan dan import oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Mengulas lanjut, Mohd Shahril berkata, laporan hasil analisis dan bukti pencampuran beras itu sudah dihantar kepada pihak berkuasa berkaitan.

"Sebagaimana Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Datuk Seri Mohamad Sabu) sebutkan sebelum ini, di bawah Kawalselia Beras dan Padi, kita tiada akta yang melarang campur padi tempatan dan import.

"Yang ada peraturan yang berkaitan dengan campur beras hancur.

"Jadi, beliau (Mohamad) minta kita (Mardi) sama-sama buat peraturan baharu untuk menyelesaikan isu ini," katanya.

Terdahulu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dilaporkan akan memperkenalkan Peraturan Melarang Campuran Beras Putih Tempatan dengan Beras Putih Import.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	KOSMO	NEGARA	1

50% beras import campur tempatan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

SERDANG – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mengesahkan terdapat pengilang yang meraih keuntungan tinggi dengan mencampurkan beras putih tempatan

dan beras import.

Analisis yang dijalankan MARDI mendapati 45 hingga 50 peratus daripada 5,000 sampel beras import yang dirampas di kilang mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) beras tempatan.

Menurut Pegawai Penyelidik

Kanan Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI, Mohd. Shahril Firdaus Ab. Razak, keputusan tersebut diperoleh melalui teknologi pencap-jarian DNA bermula penghujung 2023 sehingga Mac 2024.

»BERSAMBUNG DI MUKA 6

50% beras import campur tempatan

DARI MUKA 1

Katanya, analisis itu dilakukan susulan pentuan Task Force Operasi Bersepadu Beras Puth Tempatan bagi mengenal pasti ke mana hilangnya beras puth tempatan.

"3,000 sampel tersebut diambil secara rawak daripada 55 kampung beras dengan setiap satu kampung sebanyak 95 sampel telah digunakan.

"Setakat ini kita mempunyai lebih 50 varieti tempatan yang telah disyorkan dan dalam isu ini, sebanyak 10 varieti tempatan dijadikan penjujukan.

"Kebanyakan varieti ditanam di lapangan oleh petani adalah MR297 dan kita dapati daripada analisis ini, banyak percampuran beras tempatan varieti MR297," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi taklimat mengenai kaedah analisis bagi mengenal pasti beras puth tempatan dan beras import di sini semalam.

Katanya, pihaknya menghantar laporan analisis tersebut kepada Pejabat Kawalselia Padi dan Beras serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Mohd. Shahril Firdaus berka-



Kebanyakan varieti ditanam di lapangan oleh petani adalah MR297 dan kita dapati daripada analisis ini, banyak percampuran beras tempatan varieti MR297."

ta, petani di negara ini menanam beras tempatan dan kemudian, ia dihantar kepada kilang, jadi pencampuran berlaku di tempat tersebut.

Katanya, tiada aka yang menegah perbuatan campuran beras puth tempatan dan beras import.

"Buat masa ini, pusat penyelidikan ini bersama-sama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan membincangkan peraturan baharu berkaitan beras puth tempatan dan import," katanya.

Katanya, teknologi pencaplaian DNA ini mampu mengesan varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik.



PEGAWAI Penyelidik Prinsipal MARDI, Dr. Khairun Hisam (kanan) dan Mohd. Shahril Firdaus (kiri) melihat data pengalpaian beras tempatan dan import melalui teknologi pencaplaian DNA di Ibu Pejabat MARDI, Serdang semalam. — ISKANDAR ISHAK

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

TEMBELANG PENGILANG PADI TERBONGKAR

- Kajian selama dua tahun Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI mengesahkan kira-kira 50 peratus daripada 5,000 sampel beras import yang dianalisis dikesan sudah bercampur beras putih tempatan (BPT).
- Analisis menggunakan Teknologi Pencapjarian Asid Deoksiribonukleik (DNA) yang dibuat bagi mengenal pasti punca kehilangan BPT di pasaran itu mendapati perbuatan mencampur kedua-dua jenis beras tersebut berlaku di peringkat pengilang.
- Tindakan pengilang yang disifatkan sebagai menipu pengguna itu mendapat reaksi pelbagai pihak, malah menggesa kerajaan mengambil tindakan tegas kerana jelas subsidi beras dimanipulasikan pihak tertentu untuk mendapatkan keuntungan besar.



MUKA 2 & 3

Pengilang beras tipu pengguna

Kajian MARDI sahkan beras import dijual di pasaran sudah dicampur beras tempatan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN SERDANG**

Polemik 'kehilangan' beras tempatan yang berlaku selama ini terjawab apabila Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

mengesahkan ia telah dicampurkan dengan beras import, dipercayai untuk dijual dengan harga lebih tinggi di pasaran.

Kajian Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi MARDI itu menemui sekitar 40 hingga 50 peratus daripada 5,000 sampel beras import yang dianalisis sudah bercampur dengan beras putih tempatan (BPT).

Pegawai Penyelidik Kanan Biologi Sains (Genetik) pusat kajian terbabit, Mohd Syahril Firdaus Ab Razak berkata, analisis menggunakan Teknologi Pencapjarian Asid Deoksiribonukleik (DNA) beras itu dijalankan sepanjang tahun 2023 dan 2024.



Petani bersusah payah menanam padi, namun pengilang pula melakukan kecurangan. - *Gambar hiasan*

Beliau berkata, sebanyak 5,000 sampel diambil secara rawak membabitkan 55 kamplit beras import dengan setiap satu kamplit, sebanyak 95 sampel digunakan.

"Kita menerima sampel beras ini daripada Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang diambil daripada pengilang untuk menjalankan analisis bagi mengenal pasti varietinya," katanya ketika sidang akhbar di sini pada Rabu.

Mohd Syahril Firdaus berkata, analisis tersebut dibuat bagi mengenal pasti punca kehilangan BPT di pasaran selaras penubuhan Petugas Khas Operasi Bersepadu Beras Putih

Tempatan pada tahun 2023.

Jelas beliau, tindakan mencampurkan beras berkenaan dipercayai berlaku di peringkat pengilang.

"Petani menanam padi menggunakan benih tempatan. Apabila dijual kepada pengilang, di situulah berlaku campuran beras import dan BPT," katanya.

Mohd Syahril Firdaus berkata, laporan penuh analisis berkaitan beras itu sudah dihantar kepada pihak berkaitan.

Beliau bagaimanapun berkata, Malaysia belum mempunyai akta yang menegah pembuatan campuran beras putih tempatan dan beras import.

"Pada masa ini, pusat penyelidikan ini bersama-sama dengan Kementerian Pertanian

dan Keterjaminan Makanan (KPKM) membincangkan peraturan baharu berkaitan beras putih tempatan dan beras import," katanya.

Mengulas lanjut mengenai analisis dilakukan, Mohd Syahril Firdaus berkata, pusat penyelidikan tersebut mempunyai profil rujukan cap jari DNA bagi kebanyakan tanaman termasuk lebih 50 varieti padi.

"Teknologi Pencapjarian DNA ini mampu mengesan varieti dan sumber asal beras dengan bukti saintifik," ujarnya.

Beliau berkata, setiap sampel beras di dalam kamplit dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu atas, tengah dan bawah, serta diambil secara rawak.

"Ia kemudiannya melalui proses pengestrakan DNA dan kawalan kualiti. Analisis penskoran pula dijalankan menggunakan perisian *GneMapper5/Type4*," jelas beliau.

Polemik kehilangan BPT di pasaran berlarutan lebih dua tahun lalu walaupun Kementerian giat melaksanakan rombakan strategi melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras.

Sebelum ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh memberi bayangan kemungkinan terdapat penglibatan kartel dalam industri tersebut termasuk penyalahgunaan kedudukan dominan mana-mana syarikat yang mengawal bekalan benih dan import.



Mohd Syahril Firdaus membentangkan hasil analisis yang dijalankan ketika ditemui di Putrajaya pada Rabu.



Penyelidik menunjukkan cara pengendalian sampel padi menggunakan Teknologi Pencapjarian DNA.



ZUHA

'Sudah lama berlaku, tapi tiada siapa berani buat kajian'

KOTA BHARU - Persatuan Pesawah-pesawah Kelantan (Pesak) lega apabila Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) membuat kajian dan mengesahkan bahawa terdapat penipuan dalam pembungkusan beras import.

Pengerusinya, Zuha Ismail berkata, sebelum ini tiada pihak yang

berani membuat kajian, apatah lagi membuat pendedahan walaupun perkara tersebut dikatakan sudah lama berlaku.

Malah, beliau berkata, pengesahan MARDI itu menunjukkan bahawa rakyat Malaysia sudah lama ditipu apabila membeli beras import dengan harga tinggi tetapi sebenarnya sudah dicampurkan dengan beras tempatan yang disubsidi.

"Ketika pemerintahan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri, barulah ada pihak berani berbuat demikian.

"Ini satu langkah yang bagus dan diharap apa yang berlaku ini dapat dibendung dengan segera," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Rabu.

Sementara itu, Zuha berkata, Pesak turut menyokong langkah ke-

rajaan menyediakan 24 juta kamplit beras putih tempatan (BPT) 10 kilogram (kg) bersubsidi berharga RM26 yang akan dipasarkan kepada 400,000 keluarga miskin di Semenanjung bermula Sabtu ini.

Beliau berkata, langkah berkenaan menunjukkan kerajaan mengambil berat dalam membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

Polisi sedia ada buka ruang penipuan



FOTO: BERNAMA

Pakar berpandangan sukar untuk menghalang penipuan harga beras ini sekiranya harga beras tempatan tidak diapungkan. - Gambar hiasan

Isu tidak akan selesai selagi harga beras tempatan tidak diapungkan - Pakar

Oleh **NURHIDAYAH HAIROM**
SHAH ALAM

Pendedahan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bahawa berlakunya campuran dengan beras import membuktikan bahawa polisi harga siling beras putih tempatan (BPT) telah merenjatkan pasaran.

Pakar ekonomi pertanian,

Profesor Dr Shaufique F Sidiqie berkata, polisi sedia ada membuka ruang penipuan dan dikuatir akan terus berlaku dalam jangka masa panjang sekiranya harga BPT tidak diapungkan.

Menurut beliau, tidak wajar menunding jari terhadap kartel



SHAUFIQUE

selagi isu asas melibatkan harga beras tidak atasi.

"Perlu naikkan harga beras tempatan. Kalau naikkan harga, petani pun senang hati dan tak perlu lagi tuntutan harga lantai dinaikkan."

"Ketika harga minyak sawit naik, kenapa kita boleh naikkan harga minyak masak? Jadi,

perkara yang sama berlaku (melibatkan BPT)," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Shaufique yang juga Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM) bagaimanapun berkata, sukar untuk menghalang penipuan melibatkan campuran beras.

"Kena terima hakikat perlu naikkan harga. Polisi tu membuka ruang untuk orang menipu. Selagi tak naikkan harga selagi tu (beras) akan campur."

"Tak perlu buat kajian. Kecuali kalau nak pantau. Tapi bagaimana nak pantau, kos pemantauan tinggi? Adakah kita perlu periksa setiap kilang setiap hari?" soal beliau.

REAKSI

“

Dengan pendedahan MARDI ini diharap dapat membuka mata semua pihak supaya mengambil tindakan tegas terhadap kartel beras. Percampuran BPT dalam kampil beras import telah lama disuarakan dan kini sudah sampai masanya badan kawal selia padi beras bertindak.”

- Abd Rahim Omar, 60, petani



“

Kartel beras ini sudah lama wujud ketika krisis BPT di pasaran. Bagi mengatasi isu percampuran beras ini, kerajaan diminta untuk menaikkan harga BPT kepada RM3 sekilogram, sekali gus akan menstabilkan bekalan beras negara.”

- Mohd Reduan Maharane, 70, petani



Bimbang jualan beras bersubsidi tak sampai kepada golongan sasaran

SHAH ALAM - Persekutuan Persatuan Perniagaan Malaysia (FMBA) bimbang kemungkinan 24 juta kampil beras putih tempatan 10 kilogram bersubsidi yang mula dijual pada Sabtu ini tidak sampai kepada golongan sasaran.



RAYMOND WOO

Exco pengasasnya, Raymond Woo turut menimbulkan tiga persoalan utama iaitu berhubung pelaksanaan agihan, mekanisme pembelian dan pihak yang bertanggungjawab jika pembeli membeli lebih daripada dua kampil.

"Langkah kerajaan ini bagus tapi timbul persoalan bagaimana kerajaan dan peruncit

nak pantau. Kalau fokus kepada miskin tegar seramai 77,000 isi rumah, kita kenal pasti mereka dekat mana. Kalau banyak di Kelantan, mungkin kena agih lebih banyak di situ sebab sumbernya tak besar.

"Jika dihadkan hanya dua kampil, maknanya golongan miskin ini hanya melibatkan 800,000 kampil sebulan. Jika ada 24 juta kampil beras di pasaran setahun, bagaimana dengan lebihannya? Adakah ini bermakna golongan lain boleh beli lebih?" katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Skandal beras bunuh kepercayaan pengguna

PUTRAJAYA - Skandal pengilang mencampurkan beras putih tempatan (BPT) ke dalam kampil beras import telah membunuh kepercayaan pengguna.

Malah, Ketua Pegawai Operasi Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Nur Asyikin Aminuddin berkata, perbuatan kotor pengilang yang tidak bertanggungjawab itu menambahkan beban kewangan orang ramai yang sedang bergelut dengan kesan kos sara hidup.

"Amalan tidak beretika pengilang ini merosakkan sistem

sokongan sedia ada untuk golongan rentan yang memerlukan," katanya.

Menurut beliau, pendedahan Pusat Penyelidikan Bioteknologi dan Nanoteknologi, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menunjukkan bahawa terdapat tangan-tangan ghaib memanipulasi keadaan dalam industri padi dan beras.

"Mereka hanya mementingkan keuntungan tanpa meng-



NUR ASYIKIN

ambil kira kesan buruk terhadap pengguna dan negara.

"Justeru, kerajaan perlu mengambil tindakan tegas termasuk menyenaraihitamkan pengilang dan anak syarikat yang terabit dalam skandal tersebut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Nur Asyikin berkata, pihak terlibat perlu dikenakan hukuman setimpal mengambil kira nilai subsidi negara yang telah dibelanjakan.

Dalam masa sama, beliau menggesa kerajaan campur tangan dalam menetapkan harga beras import di pasaran kerana ia sudah dicampurkan dengan beras tempatan.

"Adalah tidak wajar jika beras import dijual pada harga sekarang kerana ia sudah dicampurkan beras tempatan. Sepatutnya pengguna perlu dapat produk yang sesuai dengan harga dibayar.

"Apabila beras import dicampur dengan beras tempatan yang telah mendapat harga subsidi jauh lebih murah, ini tidak adil kepada pengguna yang terpaksa bayar lebih," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	KOSMO	UMUM	27



BUNGKUSAN plastik berisi pelbagai jenis ikan asli tempatan sedia untuk dilepaskan.

Program melepaskan ikan asli tempatan

Oleh **Jegathisan Kartikar**

PADA 8 Februari lalu, telah berlangsung acara melepaskan spesies ikan asli tempatan di Sungai Kenaboi, Jelevu, Negeri Sembilan oleh Release Fish Back (RFB) iaitu sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berpangkalan di Johor Bahru, Johor dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Sembilan.

RFB bermatlamatkan untuk melestarian semula sungai-sungai

di Malaysia yang diketahui semakin terancam dengan kebanjiran spesies ikan pendatang.

Antara objektif utama RFB adalah melepaskan spesies ikan asli tempatan di beberapa sungai dipilih. Buat masa sekarang, program melepaskan ikan asli tempatan dilakukan dua kali pada Februari setiap tahun di sungai-sungai terpilih di Negeri Sembilan dan Johor.

Walaupun pada awalnya program ini kurang mendapat sambutan dan sokongan, namun lama-kelamaan ia mula menjadi perhatian orang

ramai terutamanya pemancing dan sokongan daripada jabatan-jabatan kerajaan terbabit.

Di Sungai Kenaboi tempoh hari, sebanyak 25,000 ekor ikan spesies asli tempatan seperti baung, lampam, sebarau dan terbul telah berjaya dilepaskan dengan selamat.

Turut bersama di dalam program tersebut ialah Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe; Ketua Cawangan Sumber Perikanan Tangkapan, Pejabat Perikanan Negeri



TAKLIMAT ringkas tentang program disampaikan oleh Pengasas RFB, Jegathisan Kartikar (kanan) kepada Kasim (dua dari kiri) dan Siew Leen (kiri).

Sembilan, Doreen Wee Siew Leen; Ketua Daerah Perikanan, Pejabat Perikanan Daerah Jelevu, Mohd. Azhar Jusoh dan Pengurus Kuala D'Limau Campsite, Aziz Said.

RFB mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan sokongan kepada program ini.

Semoga lebih ramai lagi akan turut serta dalam program-program yang akan datang.

Selamatkan spesies ikan asli tempatan kita untuk generasi akan datang.



BENIH baung kuning merupakan antara spesies ikan asli tempatan yang dilepaskan, selain sebarau, terbul dan lampam.



Antara pengunjung yang turut serta melepaskan ikan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	SINAR HARIAN	GEORGE TOWN	22



Farizan (dua dari kanan) menyaksikan pelepasan 10,000 udang harimau di perairan selatan Pulau Pinang.

10,000 udang harimau dilepaskan ke laut

Sebanyak 42,000 udang harimau dan 25,000 ikan siakap akan dilepaskan secara berperingkat

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
GEORGE TOWN

Pelepasan kumpulan pertama 10,000 udang harimau di perairan Pulau Betong menandakan satu pencapaian penting dalam inisiatif Pelan Induk Pengembangan Ekologi Pulau Selatan (PEOM).

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PICSB), Datuk Seri Farizan Darus, berkata program berkenaan bertujuan memperkayakan sumber perikanan dan mengukuhkan usaha pemuliharaan marin.

Menurutnya, program pelepasan stok ini adalah komponen penting

dalam PEOM, selain memperkukuhkan komitmen terhadap pemuliharaan marin dan perikanan lestari.

"Program ini merupakan inisiatif perintis untuk menilai keberkesanan usaha pelepasan stok ikan dan udang di selatan Pulau Pinang.

"Hasil kajian ini akan memberi panduan berharga bagi usaha pemuliharaan pada masa hadapan," katanya menerusi satu kenyataan di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, Farizan mengucapkan terima kasih kepada Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS) Universiti Sains Malaysia (USM) atas kepakaran saintifik mereka membimbing inisiatif ini.

Mengulas lanjut, Farizan berkata, sebanyak 42,000 udang harimau dan 25,000 ikan siakap akan dilepaskan secara berperingkat di perairan sekitar Pulau Betong dan Pulau Kendi dalam tempoh lima bulan akan datang.

Katanya, inisiatif ini merupakan usaha kolaboratif melibatkan kerajaan negeri melalui pemaju projek Silicon Island Development Sdn Bhd, CEMACS dan agensi kerajaan berkaitan.

Sementara itu, Pengarah

CEMACS, Datuk Dr Aileen Tan berkata, pihaknya menekankan pertimbangan saintifik dan alam sekitar dalam program ini.

"Pemilihan spesies bagi program pelepasan stok ini dibuat berdasarkan kriteria ketat untuk memastikan keseimbangan ekologi dan kelestarian jangka panjang.

"Kami hanya memperkenalkan spesies asal mempunyai kadar kelangsungan hidup tinggi di perairan Pulau Pinang bagi memastikan usaha pelepasan stok ini tidak mengganggu ekosistem sedia ada.

"Pemantauan berterusan akan dijalankan untuk menilai keberkesanan inisiatif ini yang berpotensi menjadi asas kepada usaha pemuliharaan lebih meluas pada masa hadapan," katanya.

Selain itu, katanya, CEMACS juga akan meneruskan kajian bagi menilai kejayaan program pelepasan stok ini serta memahami dengan lebih mendalam corak pergerakan dan migrasi udang serta ikan yang dilepaskan melalui kajian genetik.

Exco Agroteknologi, Keselamatan Makanan dan Pembangunan Koperasi Negeri, Fahmi Zainol, berkata inisiatif itu sejajar dengan matlamat kerajaan negeri memastikan sumber perikanan mampan bagi komuniti pesisir pantai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	HARAKAH	UTARA	21

Bazar Ramadan FAMA Perlis sasar jualan RM1.5 juta

KANGAR: Seramai 94 orang usahawan di bawah bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bakal terbabit dalam operasi dua bazar sempena bulan Ramadan ini di Perlis yang dijangka mencatat nilai jualan mencecah RM1.5 juta.

Pengarah FAMA Negeri Perlis, Mohd Anzara Azizan, berkata ia akan dikendalikan FAMA negeri itu di dua lokasi utama - di Pasar Tani Kekal Simpang Empat dan Dataran ABC Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

"Orang ramai di sekitar kawasan ini diharap tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke Bazar Ramadan FAMA.

"Harga yang ditawarkan sangat berpatutan dan aspek kebersihan turut dijaga dengan baik. Pihak berkuasa akan sentiasa melaksanakan pemantauan sepanjang operasi bazar ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi taklimat kepada peserta Bazar Ramadan Tani FAMA Negeri Perlis yang disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar, Affendi Rajini Kanth di Dewan Melati, Pejabat FAMA Negeri Perlis.

"Program hari ini bertujuan memberikan informasi kepada peserta mengenai pematuan peraturan yang ditetapkan oleh FAMA, Majlis Perbandaran Kangar (MPK), Jabatan Kesihatan Negeri Perlis dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) bagi memastikan pengoperasian Bazar Ramadan Tani kali ini berjalan lancar," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	HARIAN METRO	LOKAL	19

Fama beli 188.89 tan ayam, 2.4 juta telur secara belian terus

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan beberapa langkah awal bagi memastikan bekalan makanan utama mencukupi menjelang musim perayaan sekali gus mengelak berlaku kenaikan harga barangan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bermula bulan ini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dianggarakan membeli 188.89 tan ayam dan 2,486,022 telur ayam secara belian terus

rus melalui 42 pusat operasi di seluruh negara.

Katanya, melalui langkah intervensi pemasaran kelapa tua dengan kerjasama Fama Corporation Sdn Bhd, syarikat itu membeli 640 tan kelapa tua, selain mengimport 576 tan kelapa dari Indonesia.

"Pada masa sama, Fama membuka pasaran kepada pengeluar bagi memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna, meliputi penjualan sayur, buah dan hasilan ternakan.

"Fama juga merangka program jualan pra-Syawal di premis Pasar Tani dan Jualan Agro Madani seluruh negeri," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu)** mengenai langkah awal diambil kementerian bagi memastikan bekalan makanan utama mencukupi menjelang Aidilfitri.

Mohamad berkata, KPKM juga sentiasa memastikan bekalan import

1,216 tan
jumlah kelapa dibeli dan diimport dari Indonesia

mencukupi untuk memenuhi permintaan pengguna seperti cili, tomato dan halia adalah tinggi pada bulan sebelum dan bulan perayaan utama.

"Bagi memastikan bekalan makanan itu dapat diakses pengguna, Fama

anemastikan bekalan terus dijual menerusi premis pemasaran Fama dan program jualan terus yang dilaksanakan pada harga munasabah," katanya.

Katanya, KPKM meneruskan dasar membenarkan kemasukan ternakan hidup untuk fidlot dan sembelihan dari negara diluluskan untuk import, iaitu Australia dan Thailand.

Menurutnya, selain itu, pihaknya meneruskan memasukkan daging lembu/kerbau sejuk beku dan daging ayam serta keratan

ayam dari negara pengeksport yang diluluskan seperti Australia, Brazil, Thailand dan India.

"Kementerian turut mengambil langkah pencegahan dan kawalan penyakit ayam terutama penyakit *High Pathogenic Avian Influenza* (HPAI) dan *Newcastle Disease* (ND), Penyakit Kuku dan Mulut (FMD), *Lumpy Skin Disease* (LSD) dan penyakit pembianak seperti *Brusella* bagi mengelakkan kematian yang boleh mengurangkan pengeluaran," katanya.



GAMBAR fail seorang penjual memotong ayam di sebuah gerai ayam segar di Pasar Modern Seksyen 6, Shah Alam baru-baru ini.

Ayam, telur cukup untuk musim raya

- FAMA telah beli 188.89 tan ayam
- Lebih 2.4 juta telur disediakan elak kurang bekalan

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah membeli 188.89 tan ayam dan 2,486,022 biji telur ayam secara belian terus melalui 42 pusat operasi bagi memenuhi bekalan ketika musim perayaan. Menteri Pertanian dan Kerejainan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah awal bagi memastikan bekalan makanan utama cukup sekali gus mengelak berlakunya kenaikan harga bahan di pasaran.

"Melalui langkah intervensi pemasaran kelapa tua dengan kerjasama FAMA Corporation Sdn. Bhd., syarikat itu dianggar



DEWAN RAKYAT

akan membeli 640 tan kelapa tua, selain mengimport 576 tan kelapa dari Indonesia.

"FAMA juga membuka pasaran kepada pengeluar bagi memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna, meliputi penjualan sayur, buah dan hasil ternakan di sampling merangka program jualan praSyawal di premis Pasar Tani dan Jualan Agro Madani seluruh negeri," kata Dewan Rakyat.

Bellau berkata demikian bagi menjawab soalan Datuk Seri Jalehuddin Alias (BN-telebu) mengenai langkah awal yang diambil Kementerian bagi memastikan bekalan makanan utama men-

cukup menjelang Aidilfitri.

KPKM juga katanya, sentiasa memastikan bekalan import mencukupi untuk memenuhi permintaan pengguna berkaitan permintaan seperti cili, tomato dan halia adalah tinggi pada bulan sebelum dan bulan perayaan utama di Malaysia.

"Bagi memastikan bekalan makanan dapat diakses, pengguna, FAMA akan memastikan bekalan turut dijual menerusi premis pemisaran, FAMA dan program jualan terus yang dilaksanakan pada harga yang munasabah," katanya.

KPKM juga meneruskan dasar membenarkan kemasukan ternakan hidup untuk filot dan sembelihan dari negara yang diizinkan untuk import iaitu Australia dan Thailand.

Selain itu, KPKM turut meneruskan kemasukan daging lembu/kerbau sejuk beku dan daging ayam serta keratan ayam dari negara pengeksport seperti Australia, Brazil, Thailand dan India.

Harga lantai buah, sayur: FAMA bakal kaji semula

KOTA BHARU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mengkaji semula harga lantai buah-buahan dan sayur-sayuran berikutan terdapat permin-taan daripada peserta yang mahu ia dinaikkan susulan kos meningkat.

Ketua Pengarahnya, Abdul Rashid Bahri, berkata ka-jian berkenaan dilakukan memabitkan pelbagai agen-si termasuk bersama Jabatan Pertanian.

Menurutnya, kajian tersebut akan melihat secara keseluru-han termasuk kos dan sekira-nya hasil kajian itu mendapati kos meningkat, maka akan di-naikkan harga lantai sama ada buah atau tanaman.

"Harga lantai ini sentiasa meningkat dan kajian dilaku-kan setiap dua tahun, supaya ia tidak membebankan peser-ta ladang kontrak kita.

"Sebagai contoh harga lan-tai tembikai adalah 80 sen seki-logram, namun kita membeli dengan harga semasa iaitu seki-



Hasil tembikai di Kampung Haji Wan Omar, Kota Bharu, Kelantan.

tar RM1.80 dan ia akan mening-kat bergantung kepada musim dan permintaan," katanya pa-da sidang media selepas Maj-lis Menandatangani Pejanjian Jual Beli Tembikai di Kampung Haji Wan Omar, di sini.

Turut hadir Pengarah Fama Kelantan, Wan Faizatul Aniza Ismayatim.

Abdul Rashid juga me-nyatakan, pada masa sama, pihaknya menyasarkan me-nambah peserta ladang kon-

trak seramai 500 orang setiap tahun dengan hasil jualan RM50 juta.

Katanya, sehingga kini ter-dapat 3,300 peserta ladang kontrak dengan hasil jualan yang direkodkan sebanyak RM373 juta.

"Alhamdulillah setiap ta-hun kita berjaya mencapai sa-saran, contohnya sepanjang tahun lalu kita juga mencapai *target* hasil jualan RM63 juta," katanya.

Pertanian kelompok sumber ekonomi mampan komuniti



Tuan Mohd Saripudin meninjau perkembangan projek nanas MD2 di Pasir Puteh, Kelantan.

PASIR PUTEH: Pertanian secara kelompok membukakan bahawa sektor pertanian, khususnya tanaman nanas mampu menjadi sumber ekonomi yang mampan bagi komuniti setempat.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi, Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata demikian merujuk kepada Koperasi Masjid Mukim Permatang Sungkai Bhd yang muncul sebagai pusat pengumpulan nanas utama di daerah ini, dan memainkan peranan penting dalam memperkasa sektor pertanian tempatan.

Beliau memuji usaha pihak pengurusan koperasi masjid tersebut dan menyatakan bahawa inisiatif

itu dilihat mampu meningkatkan daya saing usahawan pertanian serta mewujudkan rantaian bekalan yang lebih efisien bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

Tuan Mohd Saripudin berkata demikian ketika meninjau pusat pengumpulan tersebut bagi meninjau perkembangan projek nanas MD2 yang diusahakan oleh 15 peserta dengan keluasan keseluruhan 15 ekar, di sini, baru-baru ini.

"Pusat pengumpulan berkenaan memastikan hasil nanas dapat dikumpul dan dipasarkan dengan lebih sistematik, sekaligus meningkatkan nilai tambah kepada industri nanas tempatan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Guna 'air buangan' sawah, air hujan banjir bendang

Oleh WAN ZURATIKAH
IFFAH WAN ZULKIFLI
utusannews@mediamulia.com.my

BESUT: Hampir 500 pesawah berdepan masalah kekurangan bekalan air sehingga terpaksa menggunakan 'air buangan' dari sawah atau mengharapkan hujan untuk mengairi petak bendang di bawah Skim Pengairan Pelagat, di sini.

Masalah itu melibatkan keluasan lebih 500 hektar sawah di lapan buah kampung iaitu Kampung Padang Landak, Padang Luas, Gong Penaga, Pengkalan Setor, Tok Has, Dengir, Beris Pok Abu serta Kampung Gong Lapan.

Seorang petani, Abdur Rahman Husni Ismail, 35, berkata, keadaan itu berlarutan hampir 15 tahun tetapi keadaan menjadi semakin parah beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kami berada di kawasan yang jauh dari sumber air iaitu Rumah Pam Pelagat dan terpaksa menggunakan 'air buangan' dari sawah di bahagian atas atau hujan untuk mengairi sawah.

"Kami terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri membeli pam air untuk kegunaan sendiri ekoran pam yang dibekalkan tidak mencukupi," katanya ketika ditemui di Kam-



ABDUR Rahman Husni Ismail (kanan) dan Muhamad Nasrullah Mohd. Nawi menunjukkan kawasan sawah padi yang sering terjejas akibat kekurangan bekalan sumber air di Kampung Air Terjun, Besut, Terengganu semalam. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

pung Air Terjun, di sini.

Menurut Abdur Rahman, dia membelanjakan kira-kira RM2,400 untuk membeli pam sebagai inisiatif sendiri bagi mengelakkan menanggung kerugian sekiranya padi mati susulan masalah tersebut.

Katanya, keadaan semakin meruncing ketika musim kemarau sehingga boleh menyebabkan padi yang ditanam terban-

tut pembesarannya apabila kekurangan bekalan air.

"Ini menyebabkan pendapatan kami kurang apabila hasil padi dituai berkurangan dan kualitinya menurun," katanya.

Seorang lagi petani, Muhamad Nasrullah Mohd Nawi, 29, berharap masalah itu mendapat perhatian pihak berwajib dan membantu mencari jalan penyelesaian yang lebih efektif.

"Kitaran padi ini dua musim dalam setahun dan kami bimbang berdepan masalah sama apabila ingin memulakan kerja-kerja penanaman padi musim pertama bermula Mac ini.

"Kami berharap masalah ini dapat segera diselesaikan termasuk membina telaga tiub dan menambah lebih banyak pam air bagi menampung keperluan petani," katanya.